



Anwar hadir pada Sidang Kemuncak ASEAN (Sesi Pemukiman) di Pusat Konvensyen Kebangsaan (NCC), di Vientiane, semalam.

(Foto BERNAMA)

Malaysia garis tiga strategi khas perkasakan ASEAN

Inisiatif tingkat hubungan perdagangan, transformasi digital serantau

Daripada Zanariah
Abd Mutalib
zanariah_mutalib@
bh.com.my
di Vientiane
(Laos)

Malaysia menggariskan tiga strategi untuk ASEAN apabila ia mengambil alih jawatan pengerusi perkumpulan berkenaan pada 2025, termasuk mengukuhkan rantaian nilai serantau dan kerjasama kawal selia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata langkah itu penting untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan serta menggalakkan transformasi digital di rantau ini.

Beliau berkata dua strategi lain ialah mengukuhkan asas negara anggota serta memperbaharui, menyusun semula dan menyelaraskan ekonomi mereka selain memanfaatkan kekuatan masing-masing.

Berucap pada Sidang Pleno Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 semalam, Perdana Menteri berkata walaupun rantau ASEAN mengalami pertumbuhan ekonomi yang rancak, perdagangan antara negara anggota tetap rendah dalam tempoh beberapa dekad yang lalu.

Justeru, Perdana Menteri per-

caya, terdapat potensi besar untuk ia ditingkatkan, terutama dengan penambahbaikan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ATIGA) yang akan ditandatangani pada 2025.

Beliau berkata, antara langkah yang perlu dilakukan negara anggota, termasuk mengukuhkan asas ASEAN, memperkukuh rantaian nilai serantau dan kerjasama pengawalseliaan.

Perlu selaraskan ekonomi

Selain itu, ASEAN juga perlu mencipta dan menyusun semula serta menyelaraskan ekonomi dan memanfaatkan kekuatan masing-masing, selain menetapkan semula dan memastikan rantaian bekalan serantau serta hubungannya dengan ekonomi global.

"Saya percaya, jika kita meneruskan langkah ini dengan tekad dan komitmen, ASEAN dapat mencapai ketahanan ekonomi dan berada di landasan untuk menjadi ekonomi keempat terbesar menjelang 2030," katanya.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut menzahirkan keyakinan yang penyertaan Timor Leste ke dalam ASEAN akan mengembangkan lagi ekonomi rantau ini dan menyumbang kepada pencapaian visi besar berkenaan.

"Malaysia menanti cadangan daripada pegawai kanan kami mengenai langkah untuk memudahkan keanggotaan penuh Timor Leste dalam ASEAN secepat mungkin," katanya.

Walaupun tumpuan diberikan untuk memperkukuh kerjasama dan ekonomi dalaman serantau, Perdana Menteri mengingatkan, penting juga bagi ASEAN untuk meneroka dan meluaskan perkongsian ekonomi di luar sempadannya.

"Cadangan Malaysia untuk Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC) Campur China pada 2025 bertujuan mencapai matlamat ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada negara anggota ASEAN atas sokongan kepada cadangan ini," katanya.

Terdahulu, Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45 serta Sidang Kemuncak Berkaitan membuka tirainya pagi semalam di Pusat Konvensyen Kebangsaan (NCC) di sini, dengan kehadiran lebih 2,000 delegasi.

Majlis bermula dengan sambutan kehadiran ketua negara ASEAN, termasuk Anwar yang disambut Perdana Menteri Laos, Sonexay Siphandone.

Antara ketua negara ASEAN lain yang hadir termasuk Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah; Perdana Menteri Singapura, Lawrence Wong; Perdana Menteri Vietnam, Pham Minh Chinh dan Perdana Menteri Thailand, Paetongtarn Shinawatra.

Indonesia pula diwakili Naib Presiden, Ma'ruf Amin yang mewakili Presiden Joko Widodo atau Jokowi.

Selepas menyampaikan kenyataan negara pada sesi plenari ketua negara ASEAN, Anwar menghadiri beberapa Sidang Kemuncak Berkaitan, termasuk Sesi Bersemuka Pemimpin ASEAN dengan Wakil ASEAN Inter-Parliamentary (AIPA), Sesi Bersemuka Pemimpin ASEAN bersama Wakil Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN-BAC) dan Sesi Bersemuka Pemimpin ASEAN bersama Wakil Belia ASEAN.

Perdana Menteri juga dijangka mengadakan Mesyuarat Dua Hala dengan Perdana Menteri Timor Leste, Xanana Gusmao dan Lawrence.